

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 19

## 1.2 juta penjawat awam sudah daftar dengan Padu

### 1.2 juta penjawat awam sudah daftar dengan Padu

**Bentong:** Sebanyak 1.2 juta penjawat awam di seluruh negara sudah mendaftar dengan Sistem Pangkalan Data Utama (Padu) setakat semalam, kata Ketua Pengangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Mohd Uzir berkata jum-

lah itu adalah kira-kira 80 peratus daripada 1.5 juta penjawat awam yang direkodkan malah pencapaian itu amat membanggakan dan beliau berterima kasih atas komitmen kaitangan kerajaan yang memberikan kerjasama

yang baik.

"Tahniah yang bersama-sama dalam memastikan penjawat awam menjadi antara golongan di hadapan daftar Padu berjalan lancar...dan yang belum mendaftar mungkin akibat kekangan tugas, kami akan

cuba bantu" katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama semasa turun padang memberi pererangan mengenai Padu kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Penjuring, semalam.

Media sebelum ini me-

lapor kan, semua penjawat awam diminta mengemas kini maklumat dan data dalam sistem Padu dengan kadar segera, selewat-lewatnya pada 15 Februari. Setakat semalam, jumlah individu yang mengemas kini maklumat di sistem

Padu adalah 3.43 juta.

Mengulas mengenai pembabitan Orang Asli dalam mendaftar sistem Padu, Mohd Uzir berkata setakat ini lebih separuh diripada kira-kira 220,000 masyarakat itu sudah mendaftar.